



Kenali Jenis-Jenis Penipuan Perbankan

Panduan tentang cara untuk mengelak daripada diperdaya oleh ancaman penipuan.



Jenis-Jenis Penipuan Perbankan dan cara untuk mengenalinya.

Penipuan perbankan semakin berleluasa. Walaupun kita sudah berhati-hati tetapi masih ada di antara kita yang menjadi mangsa jenayah penipuan perbankan ini.

Kami berharap maklumat ini dapat membantu anda memahami cara penipuan itu berlaku dan bagaimana untuk melindungi diri anda daripada menjadi mangsa.

Isi kandungan

- Akaun Keldai
- Penipuan Pelaburan
- Penipuan Pekerjaan
- Penipuan e-Dagang
- Penipuan Penculikan
- Penipuan Aplikasi
- Penipuan Macau
- Penipuan Cinta
- Tip-tip Keselamatan Dalam Talian



KESEDARAN PENIPUAN PERBANKAN

Akaun Keldai

Akaun Keldai

Penipuan di mana akaun bank anda digunakan untuk membantu pergerakan keluar dan masuk wang daripada hasil penipuan oleh pihak ketiga.

Mangsa-Mangsa Penipuan Akaun Keldai



Pelajar



Penganggur




Suri Rumah



Pesara




Bagaimana seseorang boleh terjerat



Penipu menyatakan iklan di **media sosial** mencari akaun untuk "**disewa**"




Anda akan ditawarkan sejumlah bayaran setiap bulan sebagai **ganjaran**.



Akibat

- Bank akan menyenarai hitamkan akaun anda.
- Kesukaran untuk membuka akaun baru pada masa hadapan.
- Anda mungkin akan didakwa oleh agensi penguatkuasa undang-undang.





KESEDARAN PENIPUAN PERBANKAN

Penipuan Pelaburan

Penipuan Pelaburan

Penipu akan memperdaya anda untuk melabur wang dalam produk atau perkhidmatan kewangan palsu dengan menjanjikan keuntungan yang tidak realistik. Antara taktik mereka ialah dengan memberi tekanan kepada anda supaya menerima tawaran mereka dalam masa yang singkat dan melabur wang dengan segera.

Mangsa-Mangsa Penipuan Pelaburan



Pelajar



Pesara



Bagaimana seseorang boleh terjerat



Iklan pelaburan disiarkan di media sosial, lengkap dengan logo jenama ternama dan **duta yang dikenali ramai**.



Untuk mendapatkan kepercayaan, mangsa dikehendaki melabur dengan jumlah yang sedikit dan mendapat pulangan dari pelaburan tersebut.



Kemudian, jumlah pelaburan akan menjadi lebih tinggi untuk pulangan yang lebih besar.



Pulangan pelaburan yang menguntungkan tanpa sebarang risiko adalah amaran kepada penipuan pelaburan.



Sebaik sahaja mangsa melaburkan wang yang lebih tinggi, ejen/kumpulan pelaburan tidak akan dapat dihubungi.



KESEDARAN PENIPUAN PERBANKAN
Penipuan Pekerjaan

Penipuan Pekerjaan

Tawaran kerja yang menarik tanpa memerlukan kelayakan dan pengalaman.

Mangsa-Mangsa Penipuan Pekerjaan



Pelajar



Penganggur



Suri Rumah



Bagaimana seseorang boleh terjerat



Mangsa menerima mesej yang menawarkan **pekerjaan dengan gaji yang tinggi tanpa memerlukan pengalaman.**



Mangsa perlu membayar deposit untuk mendapatkan pekerjaan tersebut.



Hai, saya ialah Pengurus Pengambilan Pekerja di syarikat XYZ! Apa yang anda perlukan hanya sebuah telefon pintar, luangkan masa 5 minit sehari menonton video di platform kami dan anda boleh dapat RM450-900 komisen, tiada sekatan masa atau lokasi. Masih bimbang tentang tidak mempunyai pendapatan harian? WhatsApp: wa.me/601111014795 WhatsApp+601111014795



KESEDARAN PENIPUAN PERBANKAN
Penipuan e-Dagang

Penipuan e-Dagang

Penipu menawarkan produk dengan harga yang tidak realistik berbanding harga asal.

Mangsa-Mangsa Penipuan e-Dagang



Semua golongan
masyarakat



Bagaimana seseorang boleh terjerat



Produk **diiklankan di media sosial** pada harga yang **sangat rendah**.



Mangsa **digesa membuat pembayaran** kerana "stok" adalah terhad.



Apabila mangsa menerima bungkusan mungkin ianya bukan produk yang dijanjikan atau tidak menerima sebarang bungkusan.



KESEDARAN PENIPUAN PERBANKAN
Penipuan Penculikan

Penipuan Penculikan

Satu penipuan di mana mangsa diperdaya untuk mempercayai orang yang mereka sayangi telah diculik.

Mangsa-Mangsa Penipuan Penculikan



Semua golongan
masyarakat




Bagaimana seseorang boleh terjerat



Mangsa menerima panggilan memaklumkan orang yang mereka sayangi telah diculik.



Maklumat terperinci mangsa culik diperoleh daripada media sosial digunakan untuk mendapatkan kepercayaan daripada mangsa.




Kebiasaan bunyi rakaman jeritan atau tangisan digunakan untuk menimbulkan rasa panik dan terdesak.



Mangsa diminta untuk terus berada di talian untuk memastikan mereka tidak dapat mengesahkan penculikan tersebut.



Wang tebusan akan dituntut untuk membebaskan orang tersayang.



Jangan mudah mempercayai sebarang panggilan telefon daripada individu yang tidak dikenali. Semak dengan pihak sekolah atau dapatkan pengesahan daripada guru sekolah.



KESEDARAN PENIPUAN PERBANKAN

Penipuan Aplikasi

Penipuan Aplikasi

Penipuan di mana mangsa diperdaya untuk memuat turun aplikasi yang **dikenali sebagai "Android Packet File" (APK)** yang mampu mengakses butiran peribadi perbankan anda.

Mangsa-Mangsa Penipuan Aplikasi



Semua golongan
masyarakat



Bagaimana seseorang boleh terjerat



Mangsa digesa untuk **memuat turun e-borang** atau aplikasi melalui SMS, panggilan telefon atau media social untuk membuat sebarang temu janji atau pesanan.



Setelah pautan di muat turun mangsa akan menerima notifikasi untuk meminta kebenaran. Notifikasi tersebut telah **membenarkan perisian perosak untuk mengawal telefon anda**.



Setelah mendapatkan butiran perbankan mangsa, penipu akan mengakses akaun dan memindahkan wang milik mangsa.

Jenis Iklan Yang Meragukan

- Kerja Kosong/Sambilan
- Peluang Pelaburan Palsu
- Penjual Palsu
- Penipuan Perkhidmatan Pembersihan
- Jemputan Perkahwinan



KESEDARAN PENIPUAN PERBANKAN

Penipuan Macau

Penipuan Macau

Penipuan di mana mangsa diperdaya untuk mendedahkan butiran perbankan peribadi mereka atau memindahkan wang ke akaun pihak ketiga oleh seseorang yang menyamar sebagai pegawai polis, agensi kerajaan atau pegawai bank.

Mangsa-Mangsa Penipuan Macau



Semua golongan
masyarakat





Bagaimana seseorang boleh terjerat



Mangsa **menerima panggilan telefon** daripada seseorang yang menyamar sebagai Pegawai Bank (atau Agensi Kerajaan). Mereka kemudian meminta mangsa untuk mengesahkan transaksi kad kredit milik mangsa.



Panggilan itu kemudiannya dipindahkan kepada seseorang yang **menyamar sebagai "Pegawai Polis"** dan meminta maklumat perbankan mangsa.



"Pegawai Polis" tersebut mengarahkan mangsa untuk memindahkan wang mangsa kedalam **"Akaun Selamat"** untuk tujuan siasatan.

Penipu sering menyamar sebagai:

- Pegawai Polis
- Pegawai Bank
- Pegawai Kawal Selia Kewangan
- Pegawai Pos
- Pegawai LHDN/Cukai



KESEDARAN PENIPUAN PERBANKAN

Penipuan Cinta

Penipuan Cinta

Penipu memperdaya mangsa yang menggunakan aplikasi aplikasi temu janji talian atau media sosial untuk mencari kenalan dan seterusnya diperdaya dengan memberikan wang mereka secara rela.

Mangsa-Mangsa Penipuan Cinta



Semua golongan
masyarakat



Bagaimana seseorang boleh terjerat




Penipu **menggunakan identiti palsu** di dalam aplikasi temu janji dalam talian.



Seterusnya, penipu akan **menaburkan janji-janji manis** supaya mangsa mempercayai mereka.



Mangsa akan dimanipulasi dengan cerita-cerita sedih yang melibatkan kewangan dan memujuk mangsa untuk menghantar wang kepada mereka.



Amaran Penipuan Cinta

- 1 Mereka kebiasaannya berada di luar negara.
- 2 Profil mereka sentiasa kelihatan **terlalu sempurna**.
- 3 Mereka akan **menolak menemui anda secara peribadi**.
- 4 Mereka sentiasa mengambarkan diri mereka sebagai **individu yang sangat berjaya** dan mempunyai **pelbagai jenis perniagaan**.
- 5 Mereka akan memanipulasi mangsa dengan **menceritakan bahawa mereka sedang menghadapi kesempitan wang** dan memerlukan bantuan kewangan.



KESEDARAN PENIPUAN PERBANKAN
Tip-tip Keselamatan Dalam Talian

Tip-tip Keselamatan Dalam Talian



KESEDARAN PENIPUAN PERBANKAN


Tip-tip Keselamatan Dalam Talian



Sentiasa memastikan laman web bank anda mempunyai **ikon padlock** “” atau “<https://>”




Jangan menggunakan Wi-Fi awam untuk mengakses akaun perbankan dalam talian anda.



Jangan menggunakan kata laluan yang **mengandungi butiran** daripada nama, singkatan nama atau tarikh lahir anda.




Sentiasa memastikan **imej keselamatan/ perkataan keselamatan anda betul** sebelum memasukkan kata laluan anda.



Jangan kongsi sebarang butiran perbankan dalam talian anda (**ID Pengguna & Kata Laluan**) dengan sesiapa sahaja.

KESEDARAN PENIPUAN PERBANKAN

Tip-tip Keselamatan Dalam Talian



Jangan membalas sebarang mesej dari sesiapa yang tidak dikenali pasti atau pautan yang mencurigakan.



Jangan simpan **kata laluan** anda pada peranti atau penyemak imbas.



Pastikan aplikasi mudah alih dimuat turun daripada **platform rasmi** atau **yang dipercayai**.



Semak aktiviti transaksi perbankan anda dengan kerap.



Jangan memuat turun sebarang **dokumen peribadi** apabila menggunakan peranti awam.



Apa yang perlu dilakukan?

Jika anda mengesyaki anda telah ditipu, segera hubungi:

Pusat Khidmat Pelanggan RHB di **03-9206 8118** dan
"Tekan 1" untuk Kehilangan, Kecurian & Penipuan.

Atau **Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC)** di **997**
(8 pagi - 8 malam setiap hari termasuk hujung minggu dan
cuti umum).

